

Kuala Lumpur: Pasca pandemik Covid-19 menuntut graduan menguasai kemahiran digital bagi menyelesaikan masalah dengan lebih berkesan dan kreatif.

Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Dr Noraini Ahmad berkata, pelbagai inisiatif dilaksanakan kerajaan bagi membantu meningkatkan kemahiran khususnya dalam kalangan graduan agar kompetitif berdepan dunia pekerjaan pasca pandemik ini.

Menurutnya, sebanyak RM100 juta dilaburkan Kerajaan untuk melaksanakan Pelan Jana Semula Ekonomi Negara-Program Kemajuan Kerjaya Kementerian Pengajian Tinggi (Penjana

Kemahiran digital wajib pasca pandemik

KPT-CAP) sebagai usaha menangani kejayaan peluang pekerjaan dalam kalangan graduan.

"Inisiatif ini memperkenalkan dasar berbentuk intervensi berkaitan dengan peningkatan kebolehpasaran graduan.

"Seramai 20,000 graduan universiti awam, politeknik dan kolej komuniti dijangka menerima manfaat serta nilai tambah hasil pelaksanaan inisiatif ini," katanya ketika berucap dalam Majlis Penganugerahan Sijil Program Penjana KPT-CAP, semalam.

Dalam majlis berkenaan se-



DR NORAINI (belakang, tengah) bersama penerima sijil di Majlis Penganugerahan Sijil Program Penjana KPT-CAP, semalam.

ramai 121 mahasiswa universiti menerima sijil selepas menamatkan latihan kemahiran digital Penjana KPT-CAP.

Turut hadir, Pengerusi General Assembly Malaysia (GA Malaysia), Tunku Zain Al-'Abidin Tuanku Muhriz, Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa Universiti Teknologi Mara (UiTM), Profesor Dr Roziah Mohd Janor.

Program ini adalah kerjasama antara GA Malaysia dan Pejabat Jaringan Industri, Komuniti dan Alumni UiTM.

Beliau berkata, dunia pekerjaan kini tidak hanya me-

nuntut graduan cemerlang dari segi akademik semata-mata namun perlu dilengkapi pengetahuan dan kemahiran yang tinggi di samping bersedia bersaing dalam pasaran kerja global.

Katanya, Kementerian Pengajian Tinggi sentiasa menyokong program dan agenda pemerkasaan kemahiran dan kebolehpasaran graduan terutamanya yang dapat memberikan peningkatan kepada kebolehan serta *soft skill*.

"Usaha membangunkan kursus latihan digital yang sejajar dengan hasrat kerajaan untuk melahirkan pekerja digital masa hadapan akan terus dilaksanakan kerajaan," katanya.